



GARIS PANDUAN PERATURAN PAKAIAN GRADUAN KONVOKESYEN POLITEKNIK METRO TASEK GELUGOR

Majlis Konvokesyen Kali Ke-4 akan diadakan pada **8 Jun 2022 (Rabu)** jam 7.30 pagi bertempat di **Dewan Seri Mutiara, Politeknik Seberang Perai**. Sehubungan dengan itu, dipohon kerjasama para Graduan untuk mengambil tindakan-tindakan berikut. Sila baca dengan teliti panduan dan peraturan yang telah digariskan.

1. PERATURAN PAKAIAN GRADUAN

1.1 HARI RAPTAI

GRADUAN LELAKI

- i) Baju kemeja lengan panjang / pendek dan seluar slack serta kasut hitam.
- ii) Kasut bertutup.
- iii) Graduan hendaklah berambut pendek.
- iv) Graduan yang berambut panjang, berekor atau diwarnakan **DILARANG** mendaftar diri untuk raptai dan seterusnya **TIDAK BOLEH** menyertai istiadat konvokesyen.

GRADUAN PEREMPUAN

- i) Baju kurung tradisional / kebaya labuh / kebarung ATAU Lounge Dress (sekiranya memakai skirt mestilah melepas paras lutut). Graduan **DILARANG** sama sekali memakai pakaian yang tidak sopan, jarang, ketat dan mendedahkan.
- ii) Kasut hendaklah jenis bertutup, berwarna gelap atau bertali belakang. Sandal **TIDAK DIBENARKAN**.

1.2 HARI KONVOKESYEN

GRADUAN LELAKI


- i) Jubah akademik graduan (disediakan oleh pihak PMTG).
- ii) **Baju melayu warna hitam**, bersamping sebarang corak dan warna serta berkasut kulit ATAU
- iii) Lounge suit (baju kemeja bewarna putih, seluar slack berwarna gelap, blazer warna gelap dan bertali leher)
- iv) Kasut hitam dan stokin hitam.
- v) Songkok tidak diperlukan
- vi) Seluar jeans, baju seragam dan kemeja-T **TIDAK DIBENARKAN**.
- vii) Rambut kemas dan pendek. Graduan yang berambut panjang/berkekor/berwarna-warni tidak akan dibenarkan menyertai majlis konvokesyen.

ETIKA PAKAIAN DAN RUPADIRI GRADUAN LELAKI

1. GRADUAN LELAKI



BAJU MELAYU HITAM SAHAJA / KEMEJA PUTIH SAHAJA YANG DIBENARKAN



GRADUAN PEREMPUAN

- i) Jubah akademik graduan (disediakan oleh pihak PMTG).
- ii) Baju kurung tradisional ATAU kebaya labuh / kebarung ATAU lounge dress.
- iii) Pelajar Islam yang **bertudung hendaklah berwarna putih / krim tanpa corak.**
- iv) Graduan yang mengandung boleh memakai pakaian yang bersesuaian.
- v) Kain jenis 'lace' boleh dipakai dengan syarat ada 'lining'.
- vi) Warna pakaian adalah pilihan sendiri.
- vii) Graduan **DILARANG** sama sekali memakai pakaian yang tidak sopan seperti pendek, jarang, ketat atau mendedahkan.
- viii) Kasut hendaklah jenis bertutup dan berwarna gelap
- ix) Sandal **TIDAK DIBENARKAN.**
- x) Graduan yang memakai pakaian yang tidak sopan/menjolok mata, jarang, berbelah, ketat dan mendedahkan aurat tidak akan dibenarkan menyertai majlis konvokesyen.



PAKAIAN GRADUAN PEREMPUAN BUKAN ISLAM



TUDUNG BERWARNA PUTIH / KRIM SAJAH YANG DIBENARKAN



PEMAKAIAN YANG DIBENARKAN



PAKAIAN YANG DILARANG



KEMASAN RAMBUT



KASUT YANG DIBENARKAN

